

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN MELALUI
RTM
Lokasi : MELALUI RTM
Tarikh : 30-07-1985

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan rahmatNya dapat saya sekali lagi melancarkan kempen Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun 1985. Sebagaimana yang kita sedia maklum Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan yang diadakan pada 31hb. Julai sehingga 31hb. Ogos setiap tahun adalah dianjurkan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Tujuan kutipan ini ialah untuk membantu bekas-bekas perajurit serta tanggungan mereka di samping memberi kesedaran kepada masyarakat di negara ini untuk mengenang dan menghargai jasa-jasa serta pengorbanan bekas-bekas perajurit.

2. Sebagaimana yang kita sedia maklum perajurit-perajurit kita sentiasa bersedia untuk berkorban untuk mempertahankan negara. Pengorbanan dan kesetiaan mereka dapat dilihat daripada segi kesejahteraan dan kemakmuran yang negara kita nikmati sekarang ini. Pada masa negara kita menghadapi darurat dahulu dan dalam menentang musuh-musuh negara, perajurit kita telah berjuang dengan penuh semangat. Di saat-saat penting seperti inilah perajurit kita telah menghadapi tentangan musuh dengan penuh kerelaan dan tanggungjawab demi menegakkan kesucian dan kedaulatan negara.

3. Dengan pengorbanan dan kesetiaan para pahlawan inilah maka keselamatan dan ketenteraman negara dapat dijamin.

Dalam kita menikmati segala kejayaan, kesenangan dan keselesaan hari ini, haruslah kita sedar dan insaf atas segala kesukaran dan pahit-maung yang dihadapi oleh para pahlawan terutama mereka yang cacat cedera serta anak-anak yang kehilangan bapa dan isteri-isteri yang kehilangan suami. Mereka ini masih lagi gigih meneruskan hidup mereka walaupun terpaksa menempuh berbagai kesulitan. Kesedaran, keinsafan dan simpati semata-mata tidak akan dapat mengurangkan penderitaan pahlawan-pahlawan yang telah hilang upaya, anak-anak dan isteri-isteri yang telah kehilangan tempat bergantung. Sebaliknya kita haruslah menunjukkan keupayaan yang lebih positif dengan memberi sumbangan ikhlas terhadap kempen Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan yang dianjurkan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

4. Persatuan Bekas Perajurit Malaysia adalah sebuah pertubuhan yang diberi tanggungjawab khusus untuk menjalankan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan. Setiap derma yang dikutip adalah untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang dapat memberi faedah kepada bekas-bekas perajurit serta keluarga-keluarga mereka yang memerlukan. Persatuan ini memang sentiasa mengambil berat di atas kebajikan ahli-ahlinya. Selaras dengan maksud ini Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah mengeluarkan bantuan berjumlah \$405,300.00 (empat ratus lima ribu tiga ratus ringgit) dalam tahun 1984. Perbelanjaan ini meliputi skim bantuan bulanan untuk balu-balu, bekas-bekas perajurit yang telah hilang upaya akibat cacat anggota atau uzur dan seterusnya skim bantuan untuk pelajaran anak-anak bekas perajurit. Adalah didapati juga kegiatan bantuan kebajikan yang telah saya sebutkan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Umpamanya pada tahun 1983 Persatuan Bekas Perajurit Malaysia membelanjakan sebanyak \$350,000.00 (tiga ratus lima puluh ribu ringgit) tetapi pada tahun 1984 ia telah meningkat kepada \$405,300.00 (empat ratus lima ribu tiga ratus ringgit). Dalam hubungan ini adalah tidak syak lagi bahawa Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sentiasa memerlukan sumbangan kewangan yang besar untuk menampung perbelanjaan dan kegiatan kebajikannya. Tugas untuk melaksanakan skim-skim bantuan tersebut bukanlah sahaja terletak di bahu Kerajaan ataupun Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sendiri bahkan ianya adalah merupakan satu tanggungjawab oleh keseluruhan masyarakat yang cintakan negara ini. Bekas-bekas pahlawan tidak meminta pengorbanan yang mereka telah curahkan itu diiktiraf atau dinilai dengan wang ringgit, tetapi kita sebagai rakyat negara ini haruslah mempunyai keinsafan dan memainkan peranan masing-masing untuk membalas budi kepada yang berjasa.

5. Pada tahun-tahun sebelum ini sambutan orang ramai terhadap kutipan derma rayuan hari pahlawan adalah memuaskan. Daripada jumlah kutipan derma yang besar pada tahun lalu Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bukan sahaja dapat mengeluarkan bantuan-bantuan kebajikan tetapi juga dapat memperluaskan kegiatannya dalam membantu bekas-bekas perajurit. Dengan adanya sumbangan derma ini, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia akan dapat mengurus dan mengusahakan sumbangan tersebut untuk menjamin pertumbuhan kewangan agar Persatuan dapat berdikari, insya-Allah. Wang sumbangan sentiasa digunakan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dengan sebaik-baiknya demi kepentingan bekas-bekas perajurit. Adalah menjadi harapan saya agar Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dapat mengkaji serta mengatur rancangan yang boleh memberi kesan dan kebaikan, di samping dapat memberi khidmat yang lebih meluas serta lebih bermutu kepada bekas-bekas perajurit serta tanggungan mereka.

6. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada firma-firma, ahli-ahli perniagaan, para dermawan dan orang ramai sekalian untuk tampil ke hadapan dan menghulurkan derma kepada Tabung Derma Rayuan Hari Pahlawan. Keikhlasan yang telah ditunjukkan pada tahun-tahun yang lepas seharusnya dapat diteruskan pada tahun ini. Setiap derma yang dihulurkan adalah untuk tujuan yang murni. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan adalah sentiasa dihargai. Sumbangan kepada Tabung Derma Rayuan Hari Pahlawan ini adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Sumbangan ini hendaklah dibuat atas nama Derma Rayuan Hari Pahlawan.

Mudah-mudahan dengan berkat pertolongan daripada orang ramai Persatuan ini akan dapat bergerak dengan lebih giat lagi dari masa ke semasa untuk membantu bekas-bekas perajurit dan keluarga mereka. Sekalipun keadaan ekonomi negara pada ketika ini tidak begitu memberangsangkan, tetapi saya yakin bahawa perkara ini tidak akan menjadi halangan kepada para dermawan untuk menabur budi kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Segala sumbangan ikhlas daripada para dermawan biar sekecil mana sekalipun, amatlah besar ertinya kepada pahlawan, ibarat kata mendapat air setitik di tengah gurun padang pasir.

7. Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya menaruh harapan bahawa saudara-saudari sekalian akan turut memainkan peranan bukan sahaja untuk menjayakan kutipan derma ini tetapi juga turut menginsafi dan menghargai segala pengorbanan bekas-bekas perajurit kita. Terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.